



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 20 September 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Tindakan KPWKM Terhadap Isu 'Abang Bas', GISBH Berlandas Undang-Undang – Nancy</b>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/686471/berita/nasional/tindakan-kpwkm-terhadap-isu-abang-bas-gisbh-berlandas-undang-undang---nancy">https://www.sinarharian.com.my/article/686471/berita/nasional/tindakan-kpwkm-terhadap-isu-abang-bas-gisbh-berlandas-undang-undang---nancy</a>  <a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2342048">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2342048</a>  <a href="https://www.tvsarawak.my/2024/09/19/tindakan-kementerian-terhadap-isu-abang-bas-gisb-berdasarkan-undang-undang-nancy/">https://www.tvsarawak.my/2024/09/19/tindakan-kementerian-terhadap-isu-abang-bas-gisb-berdasarkan-undang-undang-nancy/</a>  <a href="https://www.youtube.com/watch?v=dEnyFm-aXF8">https://www.youtube.com/watch?v=dEnyFm-aXF8</a>  <a href="https://thesun.my/local-news/kpwkm-s-actions-on-abang-bas-gisb-comply-with-law-nancy-PD13019457#google_vignette">https://thesun.my/local-news/kpwkm-s-actions-on-abang-bas-gisb-comply-with-law-nancy-PD13019457#google_vignette</a>  <a href="https://suarasarawak.my/isu-abang-bas-nancy-shukri-kata-tanggungjawab-kementeriannya-jaga-keselamatan-kanak-kanak/">https://suarasarawak.my/isu-abang-bas-nancy-shukri-kata-tanggungjawab-kementeriannya-jaga-keselamatan-kanak-kanak/</a>  <a href="https://www.theborneopost.com/2024/09/19/nancy-ministrys-role-in-high-profile-abang-bas-global-ikhwan-cases-is-to-safeguard-childrens-welfare/">https://www.theborneopost.com/2024/09/19/nancy-ministrys-role-in-high-profile-abang-bas-global-ikhwan-cases-is-to-safeguard-childrens-welfare/</a>  <a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-takes-responsibility-on-abang-bas-issue/#google_vignette">https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-takes-responsibility-on-abang-bas-issue/#google_vignette</a>	Sinar Harian  Bernama  TV Sarawak  Malaysia Gazette  The Sun  Suara Sarawak  The Borneo Post  News Sarawak Tribune	Neutral

<p>2.</p>	<p><b>Kebajikan Kanak-Kanak Dalam Kes Semasa Menjadi Tanggungjawab KPWK: Nancy</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/19/kebajikan-kanak-kanak-dalam-kes-semasa-menjadi-tanggungjawab-kpwkm-nancy">https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/19/kebajikan-kanak-kanak-dalam-kes-semasa-menjadi-tanggungjawab-kpwkm-nancy</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/videos/politik-x7sio1/gisbh-jkm-tidak-campur-siasatan-polis-fokus-kebajikan-kanakkanak-x95wfbg">https://www.astroawani.com/videos/politik-x7sio1/gisbh-jkm-tidak-campur-siasatan-polis-fokus-kebajikan-kanakkanak-x95wfbg</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=mZKJEYLHqe0">https://www.youtube.com/watch?v=mZKJEYLHqe0</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/19/tingkatkan-peranan-jkm-dalam-isu-kanak-kanak/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/19/tingkatkan-peranan-jkm-dalam-isu-kanak-kanak/</a></p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p>	<p>Neutral</p>
<p>3.</p>	<p><b>TAGS Berjaya Selesai Tiga Kes Gangguan Seksual Setakat 19 September: Nancy</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/19/tags-berjaya-selesai-tiga-kes-gangguan-seksual-setakat-19-september-nancy">https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/19/tags-berjaya-selesai-tiga-kes-gangguan-seksual-setakat-19-september-nancy</a></p> <p><a href="https://dayakdaily.com/men-encouraged-to-report-sexual-harassment-to-tags-says-nancy-shukri/">https://dayakdaily.com/men-encouraged-to-report-sexual-harassment-to-tags-says-nancy-shukri/</a></p> <p><a href="https://www.theborneopost.com/2024/09/19/nancy-anti-sexual-harassment-tribunal-awards-settlements-in-three-cases-to-date/">https://www.theborneopost.com/2024/09/19/nancy-anti-sexual-harassment-tribunal-awards-settlements-in-three-cases-to-date/</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/09/19/tribunal-awards-rm60000-to-woman-in-visual-harassment-case/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/09/19/tribunal-awards-rm60000-to-woman-in-visual-harassment-case/</a></p> <p><a href="https://suarasarawak.my/tiga-kes-gangguan-seksual-yang-dilaporkan-ke-tags-berjaya-diselesaikan/">https://suarasarawak.my/tiga-kes-gangguan-seksual-yang-dilaporkan-ke-tags-berjaya-diselesaikan/</a></p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>Dayak Daily</p> <p>The Borneo Post</p> <p>FMT</p> <p>Suara Sarawak</p>	<p>Neutral</p>
<p>4.</p>	<p><b>Anjung Kasih YKN Hospital Bintulu Pertama Di Sarawak Terima Tajaan Penuh BPHB</b></p> <p><a href="https://utusansarawak.com.my/anjung-kasih-ykn-hospital-bintulu-pertama-di-sarawak-terima-tajaan-penuh-bphb/">https://utusansarawak.com.my/anjung-kasih-ykn-hospital-bintulu-pertama-di-sarawak-terima-tajaan-penuh-bphb/</a></p>	<p>Utusan Sarawak</p>	<p>Neutral</p>

	<a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2341957">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2341957</a>	Bernamea	
5.	<p><b>JKM Kedah Sedia Khidmat Kaunseling Di PPS</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1300233/jkm-kedah-sedia-khidmat-kaunseling-di-pps">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1300233/jkm-kedah-sedia-khidmat-kaunseling-di-pps</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jkm-kedah-sedia-kaunselor-terlatih-di-pps-bantu-mangsa-banjir-x95vupi">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jkm-kedah-sedia-kaunselor-terlatih-di-pps-bantu-mangsa-banjir-x95vupi</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=4eLTgYU2FBQ">https://www.youtube.com/watch?v=4eLTgYU2FBQ</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
6.	<p><b>4,373 Mangsa Banjir Di Kedah Ditempatkan Di 32 PPS</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1135590/4373-mangsa-banjir-di-kedah-ditempatkan-di-32-pps#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1135590/4373-mangsa-banjir-di-kedah-ditempatkan-di-32-pps#google_vignette</a></p> <p><a href="https://harakahdaily.net/index.php/2024/09/20/angka-mangsa-banjir-di-kedah-cecah-6000/">https://harakahdaily.net/index.php/2024/09/20/angka-mangsa-banjir-di-kedah-cecah-6000/</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Harakah Daily</p>	Neutral
7.	<p><b>Kanak-Kanak OKU Hilang Ditemukan Lemas</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/686417/berita/semas-a/kanak-kanak-oku-hilang-ditemukan-lemas">https://www.sinarharian.com.my/article/686417/berita/semas-a/kanak-kanak-oku-hilang-ditemukan-lemas</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/kanak-kanak-berusia-enam-tahun-ditemukan-lemas-dalam-parit/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/kanak-kanak-berusia-enam-tahun-ditemukan-lemas-dalam-parit/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2341961">https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2341961</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/19/kanak-kanak-oku-hilang-ditemukan-lemas">https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/19/kanak-kanak-oku-hilang-ditemukan-lemas</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=KqgnLItwVCA">https://www.youtube.com/watch?v=KqgnLItwVCA</a></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/kanak-kanak-oku-hilang-ditemukan-lemas-BD13017475">https://thesun.my/cerita/berita/kanak-kanak-oku-hilang-ditemukan-lemas-BD13017475</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Bernamea</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Selangor TV</p> <p>The Sun</p>	Neutral

8.	<p><b>Bayi Warga M'sia Perlu RM50,000 Untuk Pembedahan Jantung Berlubang</b></p> <p><a href="https://www.beritaharian.sg/malaysia/bayi-warga-msia-perlu-rm50000-pembedahan-jantung-berlubang">https://www.beritaharian.sg/malaysia/bayi-warga-msia-perlu-rm50000-pembedahan-jantung-berlubang</a></p>	Berita Harian	Neutral
9.	<p><b>Warga Emas Ditemukan Lemas Ketika Menjala</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-ditemukan-lemas-ketika-menjala-488503">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-ditemukan-lemas-ketika-menjala-488503</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1300520/banjir-lelaki-warga-emas-lemas-ketika-menjala-ikan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1300520/banjir-lelaki-warga-emas-lemas-ketika-menjala-ikan</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/686488/berita/semasa/warga-emas-lemas-ketika-menjala-ikan-di-sungai">https://www.sinarharian.com.my/article/686488/berita/semasa/warga-emas-lemas-ketika-menjala-ikan-di-sungai</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-lemas-ketika-menjala-ikan-di-sungai/">https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-lemas-ketika-menjala-ikan-di-sungai/</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/19/lelaki-lemas-ketika-tarik-jala-dalam-sungai/">https://malaysiagazette.com/2024/09/19/lelaki-lemas-ketika-tarik-jala-dalam-sungai/</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
10.	<p><b>Amang Seksual Budak, Warga Emas Dipenjara 20 Bulan</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1135584/ama-ng-seksual-budak-warga-emas-dipenjara-20-bulan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1135584/ama-ng-seksual-budak-warga-emas-dipenjara-20-bulan</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/amang-seksual-budak-7-tahun-warga-emas-dipenjara-20-bulan/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/amang-seksual-budak-7-tahun-warga-emas-dipenjara-20-bulan/</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/warga-emas-dipenjara-20-tahun-laku-amang-seksual-fizikal-kanak-kanak-perempuan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/warga-emas-dipenjara-20-tahun-laku-amang-seksual-fizikal-kanak-kanak-perempuan/</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/19/lelaki-78-tahun-usik-budak-perempuan-tujuh-tahun-dipenjara-20-bulan/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/19/lelaki-78-tahun-usik-budak-perempuan-tujuh-tahun-dipenjara-20-bulan/</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Utusan</p> <p>Kosmo</p>	Neutral

## **TINDAKAN KPWKM TERHADAP ISU 'ABANG BAS', GISBH BERLANDAS UNDANG-UNDANG – NANCY**

BINTULU - Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri menegaskan segala tindakan serta maklum balas kementeriaannya membabitkan isu 'Abang Bas' dan syarikat GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) adalah mengikut lunas undang-undang.

Beliau berkata, pihaknya bersedia sekiranya ada pihak yang mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

"Kepada yang nak mengambil tindakan terhadap kami itu terpulang, sekurang-kurangnya rakyat tahu kita sudah mengambil tindakan untuk menjalankan tugas kita menjaga kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak 2001.

"Ramai yang bertanya kenapa sibuk dengan isu 'Abang Bas' tetapi tutup telinga soal isu GISBH...dalam hal ini GISBH adalah (di bawah) kuasa polis kerana kami bukan agensi utama yang menangkap dan menyiasat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dan Penyerahan Tajaan Yayasan Kebajikan Negara dan Bintulu Port Holdings Berhad di lobi Hospital Bintulu di sini pada Khamis.

Menteri itu berkata demikian sebagai mengulas reaksi beberapa pihak yang mempersoal kenyataan serta tindakannya yang dianggap berat sebelah mengenai isu 'Abang Bas' dan GISBH.

"Jadi GISBH berbeza daripada 'Abang Bas' kerana kita nak pastikan kanak-kanak (dalam hantaran media sosial TikTok) itu dilindungi dan saya tahu banyak badan bukan kerajaan nak tolong kita tapi kita cakup tunggu dulu sebab ini bukan kes biasa," katanya.

Pada 5 September lepas, seorang pengguna media sosial X berkongsi tangkapan layar hantaran TikTok milik seorang pemandu bas sekolah atau 'Abang Bas' yang merujuk seorang murid perempuan sebagai "crush" dan "kesayangan".

Susulan itu, Nancy mengarahkan pegawai Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) untuk membuat laporan polis terhadap pemandu bas berkenaan. - Bernama

## **KEBAJIKAN KANAK-KANAK DALAM KES SEMASA MENJADI TANGGUNGJAWAB KPWKM: NANCY**

BINTULU: Kebajikan kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 yang melibatkan kes 'Abang Bas' dan Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) akan menjadi tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), kata Menteri Dato Sri Nancy Shukri (gambar).

"Saya tahu ada orang mengkritik saya di media sosial, bertanya kenapa saya terlibat dengan Abang Bas dan kenapa GISBH, memekakkan telinga.

"Bukan kita sibuk dengan kes Abang Bas sahaja, isu anak-anak (di GISBH) juga adalah di bawah tanggungjawab kita (kementerian), seperti yang diamanahkan oleh undang-undang.

"Tiada orang lain melainkan kita perlu mengendalikan perkara ini," jelas Nancy.

Beliau menegaskan isu Abang Bas telah tular di media sosial dan menjadi tanggungjawab pihaknya bertindak seperti yang diamanahkan oleh undang-undang.

Katanya, adalah menjadi tanggungjawab pihaknya untuk mengambil tindakan dan tindakan diambil adalah melaporkan kepada polis.

Nancy juga menyebut beliau telah dimaklumkan tentang kemungkinan tindakan undang-undang diambil terhadapnya.

"Apapun adalah hak individu untuk mengambil tindakan terhadap kami.

"Sekurang-kurangnya anda semua tahu bahawa kami telah mengambil langkah untuk menunaikan kewajiban kami untuk melindungi kebajikan kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak.

"Tidak ada orang lain yang mempunyai kuasa itu," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mengenai GISBH, Nancy menjelaskan perkara itu terletak di bawah bidang kuasa polis.

"Dalam kes GISBH, ia adalah dalam kuasa polis dan kami bukan agensi utama untuk menangkap atau menyiasat.

"Itu adalah kuasa polis. Polis memerlukan kami sebagai pelindung di bawah Akta Kanak-Kanak, pegawai kami mempunyai kuasa untuk menguruskan kanak-kanak," katanya.

Beliau menggesa orang ramai memahami bahawa mereka mempunyai maklumat terhad untuk dikongsi kerana polis sedang mengendalikan siasatan.

"Jika kita semua mengambil berat tentang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, kita harus membiarkan polis menjalankan tugas mereka.

"Lebih banyak anda mengganggu kerja polis, lebih banyak ia akan mengganggu siasatan mereka," kata Nancy.

Beliau menyeru orang ramai supaya memahami tanggungjawab masing-masing.

"Tugas kami adalah melindungi dan menguruskan kanak-kanak kerana mereka memerlukan bantuan.

"Ramai kanak-kanak telah dilaporkan, termasuk mereka yang autisme dan memerlukan kasih sayang dan penjagaan.

"Keutamaan kami ialah membawa mereka mendapatkan bantuan perubatan," katanya.

Beliau menggesa rakyat Malaysia membenarkan polis menjalankan tugas mereka tanpa campur tangan.

"Selepas hari ini, jangan kata saya tidak bercakap.

"Saya sudah beritahu sejak ditanya pada kali pertamanya kerana itulah yang saya tahu ketika itu.

"Sekarang, polis telah mengambil tindakan dan apa yang mereka lakukan seterusnya, mereka tidak memberitahu kami.

"Ini yang kami panggil penguatkuasaan yang berkesan," katanya.

Nancy memberi jaminan tidak ada yang tersembunyi di sebalik tindakan mereka dan mereka memenuhi tugas di bawah undang-undang.

"Banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mahu membantu, tetapi saya kata tunggu dulu.

"Ini bukan situasi biasa kerana ia memerlukan banyak pihak untuk menjalankan tugas mereka," katanya.

## **TAGS BERJAYA SELESAI TIGA KES GANGGUAN SEKSUAL SETAKAT 19 SEPTEMBER: NANCY**

PMIRI: Tiga kes gangguan seksual yang dilaporkan ke Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Putrajaya berjaya diselesaikan setakat 19 September.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, tiga kes ini masing-masing melibatkan gangguan seksual secara fizikal, lisan dan visual di tempat kerja sektor swasta serta dalam konteks hubungan peribadi antara pengadu wanita dan responden lelaki.

"Daripada tiga kes tersebut, dua keputusan memihak kepada pengadu, manakala satu lagi kes ditolak dan tribunal telah mencapai keputusan berdasarkanimbangan kebarangkalian.

"Award dikeluarkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pendengaran pertama selaras dengan Seksyen 19(1) Akta Antigangguan Seksual 2022," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Outreach Advokasi Antigangguan Seksual Sempena Kembara Kasih KPWKM 2024 di Dewan Masyarakat Bekenu, hari ini.

Menjelang lanjut Nancy berkata, bagi kes pertama gangguan fizikal itu dilaporkan berlaku di Negeri Sembilan dan responden diperintahkan untuk membuat permohonan maaf kepada pengadu.

"Kes kedua adalah gangguan visual di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, responden diperintahkan untuk memohon maaf dan membayar tebus rugi sebanyak RM60,000 kepada pengadu.

“Kita ada kes ketiga, gangguan lisan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, aduan ditolak oleh tribunal.

“Tidak semuanya kita dapat terima, ini berdasarkan fakta kes,” jelasnya.

Sementara itu beliau menjelaskan, TAGS menyediakan saluran alternatif yang pantas, mudah dan kos yang rendah kepada mahkamah sivil.

“Sebenarnya kalau berlaku kes seperti ini, anda boleh bawa ke mahkamah di atas jenayah, tapi mungkin ada juga (pengadu) nak memohon supaya beri tebus rugi, jadi dia boleh pergi kedua-dua ini (termasuk TAGS), terpulanglah kepada si pengadu.

“Mangsa gangguan seksual digalakkan untuk membuat aduan di kaunter TAGS KPWKM Putrajaya atau menghubungi talian Kasih 15999.

“Untuk makluman, kita di Sarawak, masih belum ada, tapi boleh didengar kes di Sarawak, pegawai kita akan datang ke Sarawak.

“Semua proses kita untuk membawa ke setiap negeri yang lain adalah satu proses yang akan kita lakukan secara berterusan,” ujarnya.

Selain itu katanya, TAGS juga berperanan untuk menasihatkan pengadu supaya mengikut keperluan ataupun kriteria yang dikehendaki oleh undang-undang.

Mengulas lanjut Nancy berkata, setakat ini, TAGS belum lagi menerima mana-mana aduan gangguan seksual yang dibuat oleh pengadu lelaki tetapi pihaknya ada menerima laporan yang dibuat di kaunter kaunselor kementerian ini.

“Kalau dulu, kita dapat laporan daripada pihak polis, hanya berbelas, lepas kita mula mengadakan advokasi ini, kita terima sampai beratus.

“Tiga puluh peratus daripada kes tersebut adalah aduan daripada lelaki, tetapi setakat ini mereka (pengadu lelaki) tidak melanjutkan kes ini namun mereka boleh jadikan TAGS ini sebagai saluran untuk membuat laporan,” katanya.

Hadir sama, Ahli Parlimen Sibuti Dato Lukanisman Awang Sauni dan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Rosey Yunus.

## ANJUNG KASIH YKN HOSPITAL BINTULU PERTAMA DI SARAWAK TERIMA TAJAAN PENUH BPHB



**DATUK** Seri Nancy Shukri menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Ketua Pegawai Eksekutif BPHB, Ruslan Abdul Ghani, dan Ketua Pegawai Eksekutif YKN, Nordinah Haron.

**BINTULU:** Anjung Kasih Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di Hospital Bintulu menjadi yang pertama di Sarawak menerima tajaan penuh daripada sektor korporat, dengan Bintulu Port Holdings Berhad (BPHB) menaja sepenuhnya kemudahan tersebut.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, inisiatif itu menunjukkan komitmen BPHB untuk turut serta dalam usaha kebajikan masyarakat, khususnya dalam sektor kesihatan.

“Selalunya, pembinaan Anjung Kasih ini tidak melibatkan bangunan baharu.

“Kita menggunakan bangunan sedia ada seperti bilik jururawat lama yang mungkin sudah usang,” katanya pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian dan Penyerahan Tajaan YKN Malaysia, dan BPHB bagi Penubuhan Anjung Kasih YKN Hospital Bintulu Sarawak sempena Kembara Kasih KPWKM 2024.

Tambah beliau, pihaknya di Sarawak sentiasa melibatkan sektor korporat seperti syarikat milik kerajaan (GLC) Sarawak atau sektor swasta di setiap negeri.

“Jadi ini agak melegakan kita kerana pihak BPHB secara sukarela hendak membantu,” jelasnya.



**DATUK** Seri Nancy Shukri menyaksikan penyerahan 'mock cheque' daripada Bintulu Port Holdings Berhad (BPHB) kepada Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Beliau memberitahu, proses tender sedang dijalankan, dan tarikh operasi akan ditetapkan selepas tender diselesaikan.

Anjung Kasih berkenaan akan menyediakan 67 katil serta pelbagai fasiliti lain seperti bilik penginapan, ruang solat, ruang rehat, bilik mandi, tandas, dan ruang makan, yang mana semua kemudahan itu ditaja sepenuhnya oleh BPHB.

Menurut Nancy, kemudahan sedemikian penting bukan sahaja untuk pesakit dari Bintulu, tetapi juga bagi pesakit dari kawasan luar bandar seperti Belaga dan Mukah.

“Apa yang berlaku di Bintulu ini bukan sahaja melibatkan pesakit di sini, tetapi juga dari kawasan lain, dan mereka terpaksa menunggu di koridor hospital.

“Jadi dengan adanya Anjung Kasih ini nanti, ia akan membantu sekurang-kurangnya menyelesaikan masalah seperti ini,” ujarnya.

Anjung Kasih Hospital Bintulu merupakan kemudahan keempat seumpamanya di Sarawak, selepas Hospital Umum Sarawak, Hospital Sibu, dan Hospital Miri.

Sejak inisiatif itu dimulakan pada 2006, sebanyak 19 Anjung Kasih dibina di seluruh Negara yang memberi manfaat kepada lebih 104,000 penghuni.

Nancy turut menyeru lebih banyak syarikat swasta untuk bersama-sama kerajaan dalam membantu meningkatkan kebajikan masyarakat melalui projek seumpama ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPWKM Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif YKN Malaysia Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif BPHB Ruslan Abdul Ghani dan Pengarah Hospital Bintulu Dr Suzalinda Sulaiman.

## **JKM KEDAH SEDIA KHIDMAT KAUNSELING DI PPS**



Kanak-kanak di PPS diberi peluang bermain permainan sambil dipantau kaunselor JKM Kedah. - Foto NSTP/Zuliaty Zulkiffli

**PENDANG:** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kedah menyediakan khidmat kaunseling di pusat pemindahan sementara (PPS) untuk membantu mengawal emosi mangsa banjir.

Pengarah JKM Kedah, Datuk Zulkhairi Zainol Abidin, berkata, pihaknya menempatkan kaunselor di setiap PPS di negeri ini bagi memberi bantuan kepada mangsa banjir yang terkesan akibat bencana itu.

Beliau berkata, antara aktiviti disediakan adalah sesi permainan berbentuk pendidikan yang bertumpu kepada kumpulan kanak-kanak selain sesi kaunseling khas kepada warga emas.

"Inisiatif ini juga dapat mengisi masa lapang mangsa banjir untuk melakukan aktiviti lebih bermanfaat.

"Dalam penyediaan menghadapi suasana sebegini (khususnya) dalam keadaan emosi (mangsa) yang terganggu, dalam keadaan rumah yang dinaiki air dan kerosakan, jadi apabila masuk ke sini sudah tentu keadaan mereka tidak stabil.

"Oleh kerana itu JKM menyediakan kaunselor yang berdaftar untuk mengendalikan atau membantu mereka dari sudut emosi dan melaksanakan beberapa aktiviti khususnya kanak-kanak, " katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas melakukan tinjauan di PPS Dewan Rakan Sukan Tanah Merah, Pendang, hari ini.

Dalam perkembangan sama, Zulhairi memaklumkan langkah yang diambil pihaknya itu turut mendapat maklum balas yang sangat positif melalui pembabitan warga emas dan kumpulan kanak-kanak.

Sementara itu, beliau turut menasihatkan penduduk yang terjejas banjir supaya berpindah ke PPS jika diarahkan berbuat demikian bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Katanya, mereka tidak perlu risau kerana bekalan makanan, khemah serta kemudahan yang disediakan di PPS lengkap dan mencukupi.

### **AMANG SEKSUAL BUDAK, WARGA EMAS DIPENJARA 20 BULAN**



Seorang warga emas dipenjara 20 bulan di Mahkamah Sesyen di sini hari ini kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang budak perempuan.  
FOTO GHAZALI KORI

Kuala Terengganu: Warga emas dipenjara 20 bulan oleh Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan.

Keputusan dibuat Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli selepas tertuduh, Jusoh Salleh, 78, mengaku bersalah atas pertuduhan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Mahkamah mengarahkan hukuman penjara bermula daripada tarikh sabitan iaitu hari ini.

Selain itu, dia juga diperintah berada dalam pengawasan polis selama setahun sebaik selesai menjalani hukuman.

Jusoh dituduh melakukan perbuatan berkenaan terhadap kanak-kanak berusia tujuh tahun sembilan bulan di sebuah rumah di Hulu Terengganu pada 9.50 pagi, 6 September lalu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Noradila Ab Latif, manakala tertuduh diwakili peguam Najmi Adila Mat Nasir.